



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 () 01/03

JELAJAH PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV)

MELAKA, 4 Mac 2023 – Timbalan Menteri Pertahanan, YB Adly bin Zahari hari ini telah menyempurnakan acara simbolik pelancaran Jelajah Program Peduli Veteran (PPV) bagi negeri Melaka. Pada program kali ini, YB Timbalan Menteri Pertahanan telah mengunjungi enam (6) buah rumah Veteran ATM yang telah dikenalpasti memerlukan bantuan dan perhatian bagi meringankan sedikit beban harian Veteran ATM.

Kunjungan enam (6) buah rumah adalah seperti berikut:

1. Prebet Hujut bin Hasan berusia 89 tahun. Beliau mengalami sakit kebas-kebas tangan dan kaki, penglihatan mata kiri yang kabur dan berjalan menggunakan tongkat. Kini menetap di alamat KM 24 Kampung Kelemak Dalam, Kelemak, 78000 Alor Gajah, Melaka.
2. Sarjan Mohamad bin Md Jan berusia 62 tahun. Beliau mengalami sakit kencing manis, masalah urat saraf tulang belakang, pergerakan menggunakan kerusi roda dan menggunakan lampin pakai buang. Kini menetap di alamat No 7 Jalan Indah 5, Taman Sutera Indah, Kelemak, 78000 Alor Gajah, Melaka.
3. Koperal Mahad bin Harun berusia 71 tahun. Beliau mengalami sakit strok atau lumpuh. Kini menetap di alamat KM 1069 Taman Mutiara, Kelemak, 78000 Alor Gajah, Melaka.
4. Prebet Zamri bin Kasmin berusia 65 tahun. Beliau mengalami masalah penglihatan sejak menamatkan perkhidmatan. Kini menetap di alamat No 7056 Batu 12 1/2, Kampung Sungai Petai, 78000 Alor Gajah, Melaka.
5. Zabedah binti Mohamed berusia 54 tahun. Beliau adalah isteri kepada Allahyarham Lans Koperal Hussin bin Basir dan merupakan balu setelah kematian suami pada bulan Januari 2023. Kini beliau menanggung 3 orang anak OKU dan menetap di alamat Lot 406, Lorong 10, Taman Lendu Bakti, 78000 Alor Gajah, Melaka.
6. Koperal Jahali bin Bachik berusia 77 tahun. Beliau mengalami sakit darah tinggi dan pergerakan menggunakan kerusi roda. Kini menetap di alamat No 9070, Solok Sepam Lendu Dalam, 78000 Alor Gajah, Melaka.

Program Peduli Veteran ini merupakan inisiatif Kementerian dan JHEV dalam mengenalpasti serta menyantuni bekas-bekas perajurit negara yang menghadapi kesusahan dan memerlukan bantuan bukan sahaja dari segi kewangan dan keperluan harian, malahan turut juga melihat keperluan Veteran dari sudut perhatian dan lain-lain kebajikan.

Program Peduli Veteran kali ini juga diisi dengan program Hari Bertemu Veteran yang mana program ini dikelola sendiri oleh YB Timbalan Menteri Pertahanan dalam mendengar luahan dan permasalahan Veteran-veteran ATM di Melaka terutama dari golongan sasar B40. Sesi dialog Veteran dan YB Timbalan Menteri Pertahanan kali ini melibatkan 50 Veteran ATM dari 20 persatuan di negeri Melaka. Beliau turut menyampaikan sumbangan selepas perjumpaan tersebut. Program ini merupakan hasrat Kementerian dalam merealisasikan Pelaksanaan dan Halatuju KPP.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
4 Mac 2023

